

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(XXIII)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB. DR. AMAR PRITPAL BIN ABDULLAH**

10. Keadaan Hospital Sg. Bakap yang tidak mempunyai ruang parkir yang mencukupi bagi menampung jumlah kakitangan dan pelawat selain ketiadaan kemudahan asas seperti ICU, bilik pembedahan serta doktor-doktor pakar yang berkenaan bagi melancarkan perkhidmatan
- (a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri berhubung isu ini?.

**YB. DR. AFIF BIN BAHARDIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

10. (a) Rancangan Kerajaan Negeri berkenaan isu ruang parkir yang tidak mencukupi bagi menampung jumlah kakitangan dan pelawat di Hospital Sungai Bakap adalah dengan menyediakan parkir tambahan di atas sebidang tanah yang dikenalpasti bersebelahan hospital. Secara dasarnya, Pegawai Daerah SPS telah bersetuju untuk membenarkan pihak hospital menggunakan tanah tersebut bagi tujuan menyediakan parkir sementara untuk kegunaan kakitangan dan pelawat.

Manakala berhubung isu kemudahan asas seperti ICU, bilik pembedahan serta doktor-doktor pakar yang tidak mencukupi, perkara tersebut adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, bagi melancarkan perkhidmatan hospital, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri telah mengambil tindakan seperti berikut:

- i) Menyediakan perkhidmatan rawatan asas dan perkhidmatan kepakaran melalui lawatan pakar-pakar untuk disiplin-disiplin tertentu mengikut jadual walaupun status Hospital Sungai Bakap adalah hospital daerah tanpa pakar. Dengan itu, rawatan yang lebih optima dapat diberikan kepada para pesakit. Walau bagaimanapun, pada masa ini tiada kemudahan kepakaran seperti ICU dan dewan bedah di Hospital Sungai Bakap. Bagi mengatasi masalah tersebut, Hospital Sungai Bakap dibantu oleh Hospital Seberang Jaya dan Hospital Bukit Mertajam yang menyediakan perkhidmatan kepakaran tersebut;
- ii) Melaksanakan konsep Hospital Kluster yang merangkumi Hospital Seberang Jaya, Hospital Bukit Mertajam, Hospital Kepala Batas dan Hospital Sungai Bakap (Kluster Seberang Perai) di mana semua hospital kerajaan di Seberang Perai akan berkongsi fasiliti, khidmat kepakaran dan sumber-sumber lain untuk mengurangkan kesesakan di hospital. Kes-kes kritikal akan dirujuk ke hospital pakar untuk rawatan selanjutnya. Jumlah kes rujukan dari Hospital Sungai Bakap ke hospital pakar yang lain adalah seramai 3129 orang pesakit pada tahun 2016 dan 2918 orang pesakit pada tahun 2017;
- iii) Menempatkan seorang Pakar Kecemasan & Trauma dan Perubatan Am di hospital ini sepanjang minggu dari Isnin hingga Jumaat; dan
- iv) Menyediakan perkhidmatan kepakaran melalui lawatan-lawatan pakar mengikut jadual (Perubatan Am, Pembedahan, Obstetrik & Gynaecology , Pediatrik, Orthopedik, Mata, Dermatologi, Respiratori, Nefrologi dan Geriatrik). Diharapkan pelancaran konsep Hospital Kluster ini dapat meningkatkan perkhidmatan khususnya kepakaran di Hospital Sungai Bakap.